



Anwar melawat reruai pada pelancaran Program Kecerdasan Buatan (AI) di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin AbdulAziz Shah, UPM, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan capai noktah miskin tegar

**Usaha kerajaan
basmi keciciran
menjelang 2025
disingkatkan
kepada tahun ini**

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha kerajaan ke arah menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini semakin hampir dengan Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan berjaya mencapai sasaran itu tahun lalu.

Perkara itu dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, namun beliau mengakui masih ada laporan mengenai keciciran jumlah miskin tegar di dua negeri berkenaan.

Beliau bagaimanapun berkata, jumlah miskin tegar yang tercicir itu tidak ramai.

"Kemiskinan tegar ini sudah dinoktahkan di Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan, namun masih ada satu dua keciciran," katanya ringkas ketika ditemui selepas pelancaran Program Kecerdasan Buatan (AI) di Universiti Putra Malaysia UPM, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai usaha kerajaan dalam menoktahkan kemiskinan yang dilaksanakan tahun lalu.

Kerajaan menetapkan sasaran asal dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi menghapus-

kan miskin tegar adalah menjelang 2025, namun disingkatkan kepada tahun ini.

Dalam pembentangan Belanjaan 2024 baru-baru ini, kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk membasmi kemiskinan menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Pada masa sama, Kerajaan Perpaduan turut memperuntukkan RM1.5 bilion dalam Kajian Separuh Penggal RMK12 untuk menggerakkan program dan projek yang mampu menjana pendapatan bagi golongan sasar.

Sementara itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Jemaah Menteri Kerajaan Perpa-

duan akan menyertai sesi pemukiman kali kedua hari ini dengan tumpuan utama kepada mencari ikhtiar baharu untuk melonjakkan ekonomi negara.

Beliau berkata, pemukiman itu juga akan meneliti pelaksanaan dasar yang dilancarkan kerajaan sepanjang tahun lalu.

"Kita akan lihat juga ke hadapan ini, apa lagi pelaksanaan dasar yang boleh bawa kita terus maju ke hadapan, apa langkah spesifik yang diperlukan.

"Kita sudah ada prakarsa dari segi peralihan tenaganya (Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara), transformasi digitalnya, pelaburan tetap dan (sekarang) kita nak cari benda baharu untuk tingkat kekuatan negara," katanya.